



SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN  
ARAS 5, BLOK MENARA, BANGUNAN MENARA USAHAWAN  
PERSIARAN PERDANA, PRESINT 2  
62652 PUTRAJAYA, MALAYSIA  
Tel: 03-8880 5650 / No. Faks: 03-8880 5646

LAMAN WEB: [www.eaic.gov.my](http://www.eaic.gov.my)



## SIARAN MEDIA

### EAIC LAFAZ IKRAR BEBAS RASUAH

Putrajaya 12 April 2019 – Warga Suruhanjaya Integriti Agenzi Penguatkuasaan (EAIC) hari ini melafaz Ikrar Bebas Rasuah (IBR) bersama Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) di Menara Usahawan.

IBR tersebut telah diikrar dan ditandatangani oleh YBhg. Dato' A. Aziz bin A. Rahim Penggerusi EAIC disaksikan oleh TPj Nor Rasmi bin Shari Timbalan Pengarah Pendidikan Masyarakat SPRM. Turut hadir pada majlis tersebut adalah anggota Pesuruhjaya EAIC, Pegawai-Pegawai Kanan SPRM dan warga kerja EAIC.

Pelaksanaan IBR ini adalah satu komitmen dan iltizam oleh EAIC ke arah memastikan warga EAIC bebas daripada rasuah dan penyalahgunaan kuasa selaras dengan Pelan Nasional Anti Rasuah 2019-2023 yang dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri baru-baru ini.

Dalam pada itu, Dato A. Aziz A. Rahim berkata EAIC kini sedang dalam proses memuktamadkan draf Rang Undang-Undang Suruhanjaya Bebas Aduan dan Salah Laku Polis (IPCMC) yang masih tertakluk kepada keputusan dasar Kerajaan bagi memastikan IPCMC dapat menjalankan fungsi dengan berkesan.

YAB Perdana Menteri Tun Dr.Mahathir Mohamad pada Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Anti Rasuah (JKKMAR) 21 September 2018 telah bersetuju untuk menjenamakan semula dan memperkasakan EAIC dengan menjadikannya sebagai IPCMC, iaitu sebagai badan pemantau bebas. Pada masa ini penguatkuasaan Akta Suruhanjaya Integriti Agenzi Penguatkuasaan 2009 [Akta 700] masih lagi berjalan sepenuhnya termasuk kuasa dan fungsi EAIC.

-TAMAT-



SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN  
ARAS 5, BLOK MENARA, BANGUNAN MENARA USAHAWAN  
PERSIARAN PERDANA, PRESINT 2  
62652 PUTRAJAYA, MALAYSIA  
Tel: 03-8880 5650 / No. Faks: 03-8880 5646

LAMAN WEB: [www.eaic.gov.my](http://www.eaic.gov.my)

